

**JPN PERAK**

**2020**

**Modul#learning@home**

**SEJARAH-K1**

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**We Deliver**

**TINGKATAN**

**4**



## **BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

### 9.1 : Usaha Rundingan Kemerdekaan

1. Rombongan rundingan kemerdekaan ke London dianggotai oleh wakil daripada Raja- Raja Melayu dan wakil Parti Perikatan. **ms 216**

Antara berikut pasangan yang manakah yang benar menganggotai rombongan tersebut.

	Wakil Raja-raja Melayu	Wakil Parti Perikatan
A	Dato' Onn Jaafar	Dato' Abdul Razak Hussein
B	En. Abdul Aziz Abdul Majid	Dato' Hussein Onn
C	Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmod	Dr. Ismail Abdul Rahman
D	En. Ahmad Boestamam	Tunku Abdul Rahman

2. Di antara peristiwa berikut yang manakah mempengaruhi usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. **ms 216**


- I British memberi jaminan Persekutuan Tanah Melayu berkerajaan sendiri secepat mungkin
  - II Perang Dunia Kedua telah menamatkan penjajahan British di Asia Tenggara
  - III Rakyat Tanah Melayu mempunyai kesedaran tentang semangat nasionalisme
  - IV Kemerdekaan negara-negara di Asia Tenggara seperti Filipina dan Burma.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

3. Antara berikut merupakan tokoh yang telah menyokong perundingan kemerdekaan KECUALI.. **ms 216**

- A Ahmad Boestamam
- B E.E.C Thuraisingham
- C H.S. Lee
- D Ibrahim Haji Yaakob

Soalan 4 berdasarkan carta alir di bawah.

Perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London



4. Mengapakah rombongan kemerdekaan Tanah Melayu perlu menyusun perjalanan seperti carta alir di atas untuk sampai ke London? **ms 217**
- A. Pada masa tersebut masih belum ada perjalanan kapal terbang dari Tanah Melayu ke London.
  - B. Rombongan dapat menggunakan masa untuk berbincang dan menyusun strategik bersama-sama.
  - C. Masalah kewangan yang dihadapi oleh wakil-wakil rombongan kerana kos pengangkutan yang tinggi.
  - D. Meninjau keadaan negara Pakistan yang telah mendapat kemerdekaan lebih awal daripada British.


**ROMBONGAN RUNDINGAN KEMERDEKAAN**

5. Siapakah yang mengetuai rombongan tersebut? **ms 217**
- A Dato' Onn Jaafar
  - B Tunku Abdul Rahman
  - C Dato' Abdul Razak Hussein
  - D Dato' Abdul Wahab Abd Aziz

6. Antara berikut yang manakah merupakan perkara yang telah dirunding dan disepakati dalam rundingan kemerdekaan antara wakil Tanah Melayu dengan British. **ms 218**

- I Tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957
- II Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Batuan Bersama antara Persekutuan Tanah Melayu dan British
- III Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri Pertama
- III Negara yang merdeka dinamai Malaysia
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah



7. Peristiwa tersebut telah menyaksikan lebih kurang 100 ribu orang rakyat Tanah Melayu telah berkumpul di Padang Banda Hilir, Melaka bagi menyambut ketibaan Rombongan Rundingan Kemerdekaan. **ms 218**

Mengapa rakyat berbuat demikian?

- A Meraikan kemerdekaan negara
- B Mendengar pengumuman tarikh kemerdekaan
- C Menyambut menjadi Perdana Menteri pertama
- D Menunjukkan semangat kemerdekaan bersama-sama

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



8. Gambar di atas menunjukkan wakil Tanah Melayu dan wakil British telah menandatangani sebuah perjanjian selepas rundingan di London pada 18 Januari sehingga 6 Februari 1956. Apakah perjanjian tersebut? **ms 218**
- A Perjanjian Persekutuan Malaysia
  - B Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
  - C Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu
  - D Perjanjian Semenanjung Malaysia

PERJANJIAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

9. Apakah intipati perjanjian tersebut? **ms 218**
- A Majlis Raja-raja Melayu dibentuk
  - B Suruhanjaya perlembagaan dibentuk
  - C Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri
  - D Pihak British akan meninjau pendapat rakyat Tanah Melayu

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Mengapakah bangunan tersebut dibina? **ms 219**

- A Memorial Pengisytiharan
- B Galeri Kesenian Malaysia
- C Istana diraja
- D Pusat Pentadbiran British

**9.2 : Peranan Suruhanjaya**

11. Setelah mendapat persetujuan Majlis Raja Raja Melayu, kerajaan British mengumumkan Pembentukan Suruhanjaya Perlembagann PersekutuanTanah Melayu. Apakah tugas suruhanjaya ini ? **ms 220**

- i Menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- ii Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- iii Membuat undang undang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- iv Meluluskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- A i dan ii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

- 12 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dianggotai oleh beberapa orang tokoh terkenal antaranya ialah ? **ms 221**

A	Lord Reid dan Sir William Ivor Jennings
B	Lord Reid dan Tengku Abdul Rahman
C	Sir William Mckell dan Tun Husin Onn
D	Tuan B Malik dan Majlis Raja Raja Melayu

- 13 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tertakluk dengan beberapa terma yang telah ditetapkan dalam menjalankan tugas mereka . **ms 221**

- A Meluluskan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu.
- B Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai bebas dan berkerajaan sendiri.
- C Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
- D Melindungi kedudukan Raja Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing.

14. Antara berikut, yang manakah benar anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? **ms221**

- A Lord Cobbold
- B Sir William Mckell
- C Sir Frank Swettenham
- D Dato Onn Jaafar

Pernyataan di bawah berkaitan dengan hasil persetujuan di London.

Pada 8 Mac 1956, kerajaan British mengumumkan pembentukan suruhanjaya bebas setelah mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu.
---

15. Apakah peranan suruhanjaya tersebut? **ms229**

- A Mengadakan pilihan raya
- B Mengkaji dasar pendidikan kebangsaan
- C Merangka perlembagaan negara yang merdeka
- D Membentuk satu badan khas mengatasi ancaman komunis

16. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu juga dikenali sebagai...

**ms230**

- A Suruhanjaya Reid
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- D Suruhanjaya Pembentukan Malaysia

**9.3 : Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka**

17. Maklumat berikut merujuk kepada peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu semasa hendak membina draf perlembagaan.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Menerima memorandum sebanyak 131 daripada pelbagai pihak</li></ul> |
|--|

Siapakah pihak yang telah mengemukakan memorandum tersebut? **ms 222**

- I Organisasi swasta
  - II Pedagang Asing
  - III Orang perseorangan
  - IV Pertubuhan politik
- A I dan II
  - B I dan III
  - C III dan IV
  - D II dan IV

18. Apakah tuntutan yang dikemukakan oleh kaum Cina melalui memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? **ms 222**

- A Mengekalkan sekolah vernakular
- B Mempertahankan hak kaum Cina
- C Membubarkan sekolah aliran Inggeris
- D Mengetatkan syarat kewarganegaraan

19 Dialog berikut adalah reaksi terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Ramli : Saya tidak setuju dengan pemberian kerakyatan Jus Soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu.

Bakri : Ya, sepatutnya kerakyatan itu hanya milik kita, orang Melayu.

Mengapakah mereka tidak bersetuju dengan isu kerakyatan tersebut? **ms 223**

- A Menghadkan bidang kuasa raja
- B Melambatkan proses kemerdekaan
- C Melemahkan kedudukan orang Melayu
- D Menghapuskan warisan Kesultanan Melaka

20 Apakah reaksi pemimpin Melayu terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? **ms 223**

- A Bersetuju sekolah vernacular diteruskan
- B Tidak bersetuju dengan syarat kewarganegaraan
- C Membantah pelantikan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
- D Menerima cadangan mempelajari semua bahasa di sekolah kebangsaan

21 Mengapakah terdapat ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep *jus soli*? **ms 223**

- A Mengukuhkan penguasaan British
- B Melambatkan proses kemerdekaan
- C Menjejaskan status Raja-raja Melayu
- D Menggugat keistimewaan orang Melayu

22 Kejayaan Penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menunjukkan sikap tolak ansur antara kaum di Tanah Melayu .

Apakah kesannya kepada negara dalam mencapai kemerdekaan? **ms 223**

- A Kemerdekaan dicapai tanpa pertumpahan darah
- B Menamatkan konflik perkauman dalam negara
- C Menyatukan Parti Perikatan dengan MCA dan MIC
- D Kemerdekaan dicapai dan mewujudkan pentadbiran campuran

- 23 Pelbagai reaksi terhadap draf Perlembagaan Persekutuan yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Apakah persamaan isu yang dibangkitkan oleh ahli UMNO dan Parti PAS berdasarkan draf Perlembagaan Persekutuan tersebut? **ms223**
- A Agama Islam dijadikan agama rasmi negara
  - B Bahasa Melayu dijadikan Bahasa rasmi negara
  - C Mengiktirafkan kewarganegaraan secara jus soli
  - D Membangkitkan kedudukan Raja-Raja Melayu dalam pentadbiran
- 24 Draf Perlembagaan Persekutuan telah diluluskan oleh Parlimen British di London, kemudiannya diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Bilakah tarikh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu berkuat kuasa secara rasminya? **ms 223**
- A 9 Mei 1957
  - B 27 Ogos 1957
  - C 10 Julai 1957
  - D 31 Ogos 1957

#### **9.4 : Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu**

25. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 5 Ogos 1957. Apakah inti pati perjanjian tersebut? **ms 224-225**
- A Diketuai oleh Gabenor British
  - B Kewarganegaraan melalui prinsip jus soli
  - C Pembentukan kerajaan bercorak republik
  - D Pengamalan sistem demokrasi berparlimen

26. Bagaimana kewarganegaraan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu diperoleh?

**ms 224**

- I Naturalisasi
- II Permohonan
- III Perintah mahkamah
- IV Pengesahan yang di-Pertuan Agong

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27. Pada 5 Ogos 1957, sebuah perjanjian kemerdekaan telah ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan Sir Donald Mac Givray di King's House, Kuala Lumpur. Apakah penerangan perjanjian tersebut? **ms 225**

- A Perkembangan imperialisme Barat
- B Pentadbiran tentera British diperkenalkan
- C British mengambil alih pemerintahan negara
- D Asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

28. Pernyataan di bawah menunjukkan sebahagian Kandungan Perlembgaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkaitan Raja bagi Persekutuan dan Permaisurinya.

*BAHAGIAN IV NEGERI PERSEKUTUAN*

*Bah 1—Raja bagi Tanah Melayu Raja bagi 32.*

*(1) Hendak-lah ada sa-orang Raja bagi Negeri Persekutuan yang bergelar Yang di-Pertuan Agong, dan kedudukan baginda itu teratas daripada semua orang<sup>7</sup> dalam Negeri Persekutuan dan baginda itu tidak-lah boleh di-bawa apa<sup>1</sup> jua perbicharaan ka-atas-nya di-dalam mana<sup>1</sup> jua mahkamah.*

*Sebahagian kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957*

Antara berikut manakah keistimewaan perlantikan Yang Di Pertuan Agong yang termaktub dalam perlembagaan? **ms 224**

- i. Dipilih setiap lima tahun
- ii. Dilantik oleh pembesar Melayu
- iii. Dilantik atas nasihat perdana Menteri
- iv. Dilantik dalam kalangan Raja Melayu

- A i dan ii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

- 29 Perjanjian Persekutuan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dengan mengambil kira status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu.

Siapakah yang bertanggungjawab menjaga kedudukan istimewa orang Melayu?

**ms225**

- A Pembesar Melayu
- B Perdana Menteri
- C Yang di Pertuan Agong
- D Gabenor Persekutuan Tanah Melayu.

30 Permuafakatan antara wakil Raja-Raja Melayu dengan pemimpin Negara dalam usaha memperoleh kemerdekaan telah menampakkan hasil.  
Di manakah tarikh kemerdekaan Tanah Melayu diumumkan? **ms 225**

- A. Stadium Merdeka.
- B. Stadium Bukit Jalil.
- C. Padang Hilir ,Melaka
- D. Bangunan Sultan Abdul Samad.

### SKEMA JAWAPAN

SOALAN	JAWAPAN	MUKA SURAT
1	C	216
2	D	216
3	D	216
4	B	217
5	B	217
6	A	218
7	B	218
8	C	218
9	B	218
10	A	219
11	A	220
12	A	221
13	D	221
14	B	221
15	C	229
16	A	230
17	C	222
18	A	222
19	C	223
20	B	223
21	D	223
22	A	223
23	B	223
24	D	223
25	D	224-225
26	A	224
27	D	224
28	B	244
29	C	225
30	C	225